

0733

U B908 AAB
MAHATHIR - ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- IBU PEJABAT UMNO TELAH MENGHANTAR SURAT KEPADA ANGGOTA LAMA PARTI SUPAYA MENGEMUKAKAN SEGALA BUKTI YANG ADA SEBAGAI PENGESAHAN KEANGGOTAAN MEREKA DALAM UMNO SEBELUM IA DIHARAMKAN, KATA PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BUKTI ITU DIPERLUKAN BAGI MEMBOLEHKAN UMNO MENDAPATKAN SEMULA HARTANYA YANG KINI DALAM PEGANGAN PEGAWAI PEMEGANG HARTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEBAGAI MENJELASKAN PERKARA ITU YANG DISEBUT DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA.

DALAM UCAPANNYA BELIAU BERKATA MASALAH MENDAPATKAN BALIK HARTA UMNO AMAT SUKAR DIUSAHAKAN KERANA BILANGAN KEANGGOTAAN UMNO DAHULU YANG SERING DISEBUT BERJUMLAH 1.4 JUTA SUKAR DIBUKTIKAN.

+WALAUPUN KITA TAHU DARIPADA 1.3 JUTA ANGGOTA UMNO SEKARANG, LEBIH 900,000 ADALAH ANGGOTA LAMA, TETAPI BUKTI KEANGGOTAAN 900,000 INI SUKAR DIDAPATI UNTUK DITERIMA OLEH MAHKAMAH,+ KATANYA. -- LAGI.
1446MST 17 11 89

0734

U B909 AAB
MAHATHIR - ANGGOTA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO PUSAT SEDANG MENGAJI CARA YANG TERBAIK UNTUK MENDAPATKAN BUKTI KENAGGOTAAN UMNO LAMA YANG SEBENAR.

KATANYA, MASALAH TIMBUL KERANA LAZIMNYA ANGGOTA PARTI TIDAK MENYIMPAN RESIT KEANGGOTAAN MEREKA DAN ADA DI ANTARA MEREKA MENYERAHKAN RESIT ITU UNTUK DISIMPAN OLEH CAWANGAN MASING-MASING TETAPI REKOD SIMPANAN SUKAR DIPEROLEHI.

BELIAU BERKATA USAHA MENGUMPUL BUKTI BERKENAAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO INGIN MENDAPATKAN SEMULA HARTA ITU DENGAN SEGERA KERANA JUMLAH HUTANG YANG DITANGGUNG SEMAKIN BESAR.

+BAGI BANGUNAN INI (PWTC) SAHAJA UMNO TERPAKSA MENANGGUNG FAEDAH HUTANG KIRA-KIRA \$30 JUTA SETAHUN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA DENGAN MASALAH YANG WUJUD INI UMNO TIDAK MUNGKIN MENDAPAT APA-APA KEUNTUNGAN DAN SUMBER WANG YANG LAIN TIDAK MASUK.

SECARA SINIS BELIAU BERKATA PARTI PEMBANGKANG HANYA PANDAI MENDAKWA KONONNYA UMNO MEMINJAM WANG DARI JEPUN SEDANGKAN IA SEBENARNYA BERHUTANG DENGAN BANK BUMIPUTRA KERANA PINJAMAN YANG DIBUAT ADALAH MELALUI BANK ITU.

-- BERNAMA.

1448MST 17 11 89